



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Shah Alam, 19 Mac 2012 ( Isnin )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali  
Y.B. Tuan Ng Suee Lim  
Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar  
Y.B. Tuan Lee Kim Sin  
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei  
Y.B. Tuan Lau Weng San  
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib  
Y.B. Tuan Yap Lum Chin  
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay  
Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee  
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz  
Y.B. Tuan Amirudin bin Shari  
Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin  
Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam  
Y.B. Puan Lee Ying Ha  
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan  
Y.B. Puan Gan Pei Nei  
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad  
Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK.

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA.

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA.

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA.

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK.

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS.

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS.

Y.B. Tuan Yap Ee Wah

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK.

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN.

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK.

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS.

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**Bentara**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
Encik Redzuan bin Adam  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat kali Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua belas pada 19 Mac 2012 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 19 Mac 2012 hingga 23 Mac 2012 dan 26 Mac 2012 hingga 30 Mac 2012

dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 16 hari bulan Februari 2012.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan diiringi oleh Y.B. Tuan Speaker.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Dengan segala hormatnya dijemput Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersembahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### **III. TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR**

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

*Bismillahi Rahmanir Rahim,*

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmatNya Beta dapat berangkat ke Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Sidang Dewan Negeri Selangor Kali Ke-12 pada pagi ini.

Alhamdulillah negara Malaysia dan Negeri Selangor yang kita kasihi ini masih di dalam keadaan aman dan makmur manakala rakyatnya dapat terus menjalani kehidupan harian dengan bebas dan sejahtera. Oleh itu Beta menyeru supaya perpaduan yang terjalin di antara seluruh rakyat di negeri ini hendaklah terus dikekalkan dan saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain.

Sebelum Beta meneruskan ucapan ini, Beta suka mengingatkan bahawa Dewan Negeri ini adalah sebuah tempat yang mulia untuk Ahli-Ahli Dewan bersidang bagi menggubal undang-undang, membincangkan dan membahaskan perkara yang dibawa ke Dewan untuk pembangunan kemajuan dan kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor ini. Oleh itu manfaatkanlah Sidang Dewan ini dengan sebaik-baiknya.

Beta telah difahamkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang lebih mencabar akibat ketidakpastian ekonomi global yang masih menguasai pasaran di negara-negara maju dan juga kuasa-kuasa besar Asia.



Beta difahamkan juga ekonomi Selangor terus merekodkan pertumbuhan positif tahun 2011 walaupun dengan persekitaran luar yang sangat mencabar. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri masih berjaya dicatat pada 5.9% dibantu peningkatan dalam penggunaan domestik dan pelaburan swasta merangsang eksport output dan komoditi. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dijangka terus berkembang dengan beberapa inisiatif utama seperti insentif cukai dan langkah liberalisasi untuk menarik pelaburan terutama sektor perkhidmatan.

Beta difahamkan juga ekonomi negeri Selangor tahun 2012 dianggar merekodkan prestasi yang sederhana dengan KDNK sekitar 5.3% sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan Malaysia yang sederhana. Sektor perkhidmatan dijangka akan menjadi pemacu ekonomi Selangor dengan kecergasan sektor perkhidmatan kerajaan, kerancangan aktiviti berkaitan perdagangan, serta pengukuhan kemasukan pelaburan, teknologi dan tenaga profesional meningkatkan sumbangan kepada KDNK negeri.

Sebagai negeri penyumbang terbesar kepada KDNK negara dengan anggaran 22%, Selangor perlu memainkan peranan yang lebih agresif dalam meningkatkan pelaburan domestik dan asing masuk ke dalam negeri. Jumlah pelaburan tahun 2011 dicatatkan sebanyak RM 8.74 bilion dengan 263 projek berjaya dimajukan telah membuka peluang pekerjaan baru kepada lebih dari 15,000 rakyat Selangor untuk bekerja di pelbagai sektor pekerjaan.

Beta bersyukur, dengan petunjuk dan izin Allah juga, Selangor berjaya mengekalkan status negeri maju di negara ini berkat usaha gigih kerajaan dan rakyat. Sehubungan dengan itu, usaha dan tindakan untuk mengagihkan hasil pembangunan dan limpahan rezeki kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala di bumi Selangor ini kepada rakyat hendaklah dilakukan secara adil dan saksama.

Beta difahamkan pencapaian ini diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa demi meningkatkan hasil negeri untuk kesejahteraan dan keharmonian rakyat Selangor. Semua Ahli Dewan Negeri perlu memberikan kerjasama yang lebih erat dan bekerja sama dengan Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor. Perbezaan pandangan politik tidak sepatutnya menjadi penghalang bagi menjayakan usaha-usaha murni untuk kebajikan seluruh rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Beta berharap Dewan yang dimulihkan ini menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai perkara dan isu yang melibatkan rakyat Beta.

Justeru, Beta berkenan semua wakil rakyat memikul tanggungjawab yang diberi oleh rakyat dengan memberi keutamaan untuk hadir ke dewan ini berbahas secara berhemah dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial.

Ahli – Ahli Yang Berhormat mempunyai peranan utama dalam membahaskan persoalan dasar dan program yang dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor supaya segala bentuk program pembangunan yang bakal dilaksanakan haruslah

memberi impak kepada negeri Selangor dan bukan hanya untuk memenuhi syarat perbelanjaan. Setiap perkara yang mahu dibahaskan, termasuk pengenalan, pindaan kelulusan atau penghapusan sebarang Enakmen perlulah dikaji dan dibahaskan secara mendalam dan harmoni serta penghujahan haruslah secara intelektual dan bukan secara emosi, mendahulukan kepentingan rakyat dan negeri daripada parti masing-masing di samping tidak bercanggah dengan Undang – Undang Tubuh Negeri Selangor dan Perlembagaan Persekutuan sebagai tunjang.

Beta berkenan penggal baru ini kita semua bekerja kuat dengan niat yang ikhlas untuk membantu rakyat. Sebagai Sultan Negeri ini, Beta berkenan agar rakyat negeri Selangor menikmati hidup yang sejahtera sepanjang masa.

Untuk menghadapi cabaran mendatang, pentadbiran kerajaan mesti mampu menguruskan perubahan dengan cekap. Kerajaan Negeri Selangor perlu menjadi sebuah kerajaan pintar atau *smart government* yang mampu memenuhi amanah dan mandat rakyat dengan sebaik-baiknya. Cara kerja kerajaan perlu mengambil manfaat daripada teknologi, inovasi dan penemuan-penemuan terkini yang relevan dari seluruh dunia.

Kerajaan perlu membuka ruang agar aktiviti ekonomi digerakkan oleh individu dan syarikat tanpa campur tangan berlebihan. Kerajaan sekadar bertanggungjawab memberi galakan, mengawal selia dan memastikan keadilan untuk semua. Matlamat perniagaan adalah meningkatkan keuntungan, justeru itu kerajaan diberi mandat untuk memastikan proses mengejar keuntungan ini tidak mendatangkan mudarat, merosakkan alam sekitar atau menyusahkan rakyat. Tegasnya, Kerajaan adalah benteng pelindung kepada rakyat melalui penggubalan dan kuatkuasa peraturan-peraturan yang perlu.

Kerajaan Beta memberi galakan dan menjadi pemudah cara kepada usahawan dan syarikat yang memperkenalkan inovasi dan mengeluarkan produk-produk baharu. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta perlu meneruskan usaha menarik pelaburan, sama ada domestik atau pelaburan terus asing, bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Syarat dan prosedur harus dipermudah, proses dipercepat dan ketelusan diamalkan. Insentif dan kemudahan wajar diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengutamakan pekerja tempatan, melaksanakan proses pemindahan teknologi dan serius dalam usaha meningkatkan kemahiran pekerja melalui skim latihan yang sistematik.

Beta menitahkan supaya pentadbiran kerajaan negeri bertanggungjawab mengawal selia dengan amanah dan berhemah akan modal utama negeri ini, iaitu tanah. Kawasan-kawasan kepentingan umum seperti hutan simpan, kawasan tadahan air, rizab sungai dan sebagainya mesti dipertahankan. Pencerobohan mesti dibanteras dan kebenaran tidak sepatutnya diberikan untuk projek-projek pembangunan di kawasan tersebut.

Dalam hal ini Beta berharap kerajaan negeri mendapat kerjasama daripada syarikat-syarikat korporat, badan-badan bukan kerajaan dan penduduk setempat untuk mengekalkan kawasan hijau dan kawasan bersih. Penganjuran kempen kawasan hijau dan zon bersih di seluruh negeri, bertujuan memupuk kesedaran dan budaya cintakan kebersihan serta menjadikan Selangor negeri yang paling bersih di negara ini. Kegigihan kerajaan negeri dalam kerja pemuliharaan Hutan Simpan Raja Musa, pemuliharaan habitat kelip-kelip di Tanjung Beluntas Kuala Selangor dan menjadikan Taman Tasik Shah Alam sebagai zon bersih, adalah antara usaha-usaha yang wajar menerima pujian daripada semua pihak. Sesungguhnya, kesemua usaha yang seumpama adalah juga bertujuan mengajak semua rakyat Selangor supaya bersama-sama memastikan kawasan persekitaran dan negeri ini sentiasa bersih dan selamat untuk didiami dan dilawati.

Sehubungan ini, peruntukan Perlembagaan untuk Tanah Rizab Melayu mesti dipatuhi. Beta tidak mahu mana-mana pihak melakukan tindakan tidak bertanggungjawab dengan cuba memindahkan Tanah Rizab Melayu kepada individu atau syarikat bukan milik Melayu. Beta percaya Dato' Menteri Besar, Kerajaan Negeri Selangor dan semua kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan tanah sentiasa berwaspada mempertahankan Tanah Rizab Melayu dengan memastikan tidak ada yang bertukar status.

Demi kebajikan negeri dan rakyat, kerajaan negeri Selangor perlu mengutip hasil yang secukupnya dan menyimpan rizab yang sewajarnya untuk kegunaan semasa kecemasan. Beta difahamkan pentadbiran negeri telah dapat meningkatkan simpanan rizab negeri kepada RM1.9 Bilion pada 2011.

Kerajaan juga harus pintar dalam hal menyediakan peruntukan dan mengagihkan bantuan. Bantuan adalah sebagai sokongan dengan matlamat agar akhirnya golongan yang dibantu dapat berdikari. Bantuan dan subsidi tidak wajar diberikan kepada mereka yang berkemampuan dan tidak layak. Bagi kebajikan rakyat juga, perbelanjaan untuk infrastruktur perlu ditingkatkan secara berterusan bagi memastikan kualiti kemudahan awam sentiasa kekal baik.

Antara infrastruktur yang sangat penting pada masa ini adalah teknologi maklumat dan komunikasi, khususnya kemudahan internet. Ia mampu menjadi sumber ilmu bermanfaat di samping mampu mencergaskan kegiatan ekonomi dan membuka peluang meningkatkan pendapatan melalui kemudahan memasarkan produk dan kemahiran dengan meluas. Usaha Kerajaan Negeri Selangor menyediakan kemudahan internet berkelajuan tinggi ke seluruh negeri adalah amat baik. Beta percaya pelaksanaan segera rancangan ini dapat mencergaskan usaha merakyatkan ilmu di negeri Selangor.

Kerajaan pintar juga wajar mempersiapkan negeri untuk masa hadapan dengan meningkatkan pelaburan khususnya dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Oleh itu kerajaan perlu berusaha meningkatkan perbelanjaan di dua sektor penting ini sebagai pelaburan masa hadapan. Perhatian dan galakan kerajaan dalam penyelidikan boleh

mendorong penemuan dan inovasi yang mampu meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan kos khususnya dalam bidang kesihatan.

Usaha-usaha meningkatkan mutu dan produktiviti pertanian, terutamanya tanaman makanan dan ternakan juga mesti terus dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan rakyat. Peningkatan produktiviti dapat menambah pengeluaran hasil pertanian dan sekali gus mendorong penurunan harga.

Beta dimaklumkan sistem mengutip hasil pasir memberikan pendapatan yang berganda kepada negeri. Hasil yang berjaya dikutip dilihat bertambah setiap tahun secara konsisten. Beta dimaklumkan contoh peningkatan hasil pasir Selangor pada tahun 2005 sebanyak RM3.54 juta, tahun 2006 RM4.37 juta, tahun 2007 RM2.9 juta; peningkatan hasil mendadak mulai tahun 2008 sebanyak RM6.3 juta, tahun 2009 RM5.4 juta, tahun 2010 sebanyak RM10.3 juta, dan tahun 2011 sebanyak RM16 juta.

Beta dimaklumkan juga bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia diberi kebebasan untuk memantau kerja pengoperasian pasir oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd. Sehubungan ini, peningkatan kecekapan dan pembasmian rasuah perlu terus diperluas ke seluruh negeri dan segenap bidang bagi meningkatkan lagi hasil negeri. Beta difahamkan kerajaan Selangor telah menunjukkan kesungguhan dengan memperuntukkan RM15 juta untuk memerangi rasuah dari Geran Selangorku.

Sebagai Ketua Agama Negeri, Beta mahu pentadbiran kerajaan memberikan perhatian serius terhadap usaha meningkatkan kualiti hidup umat Islam. Bagi memajukan umat, bidang pendidikan dan ekonomi mesti menjadi keutamaan. Kekuatan dalam dua bidang ini adalah benteng sebenar mempertahankan akidah dan maruah umat Islam.

Institusi Lembaga Zakat harus diperkemas seiring dengan perkembangan dan tuntutan zaman. Sasaran harus ditetapkan supaya asnaf dan juga mereka yang layak menerima zakat tidak tertinggal atau terpinggir. Pentadbiran urusan Baitulmal hendaklah dibuat dengan cara yang baik dan teratur.

Beta berkenan apabila Dato' Menteri Besar sendiri sanggup memikul amanah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Islam dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Beta percaya Dato' Menteri Besar mampu bersama-sama memartabatkan lagi Agama Islam dan umat Islam di negeri ini. Cara kerja yang profesional dapat menangkis segala fitnah dan tuduhan jahat sekali gus membuktikan kemampuan sebenar sistem Islam.

Perhatian serius kepada usaha memajukan umat Islam ini tidak pernah menjadi alasan untuk mengabaikan atau meminggirkan rakyat Beta yang lain. Malah kemajuan umat Islam selaku golongan majoriti di negeri ini mampu memberikan kesan positif kepada negeri dan rakyat.

Sektor perniagaan lazimnya bertumpu pada kawasan yang sedia berkembang. Justeru itu, kerajaan Beta perlu memainkan peranan perintis menggalakkan kemajuan di

daerah-daerah yang sedang membangun. Demi kepentingan masa hadapan kita, perancangan diperlukan untuk merakyatkan kemajuan ke setiap daerah dan pelosok negeri dengan seimbang dan berterusan. Pembukaan bandar-bandar baharu tanpa aktiviti ekonomi yang cergas dan peluang pekerjaan berkualiti hanya menyebabkan rumah dan bangunan yang dibina terbiar tanpa penghuni. Dalam hal ini Beta berkenan pandangan Dato' Menteri Besar yang mahu setiap PBT lebih mengusahakan cara untuk memberi kesejahteraan kepada penduduk setempat daripada memikirkan kelayakan berstatus bandar raya. Ia bermakna, apabila pembangunan berkembang ke daerah-daerah luar bandar, anak-anak muda tidak perlu lagi mencari pekerjaan di bandar. Keadaan ini dapat melegakan tekanan terhadap habitat bandar, kos kehidupan, sistem pengangkutan dan prasarana bandar yang lain.

Beta percaya misi memperluas kemajuan dan kemakmuran ke seluruh negeri adalah cabaran utama yang harus ditangani dengan berhemah oleh pentadbiran kerajaan negeri. Dalam usaha melaksanakan misi ini, perlu diingat bahawa pembangunan manusia adalah jauh lebih penting berbanding pembinaan fizikal semata-mata. Sebagai negeri maju di negara ini, Selangor perlu bercita-cita dan berusaha meraih status sebagai destinasi idaman di peringkat serantau dan antarabangsa bagi menikmati kehidupan berkualiti tinggi. Beta mempunyai keyakinan penuh bahawa status ini dapat dinikmati melalui kerjasama dan usaha gigih antara kerajaan dan rakyat.

Beta menitahkan Ahli-Ahli Yang Berhormat memanfaatkan sidang Dewan ini dengan mengambil peranan aktif berbahas dan mengemukakan buah fikiran yang bernas demi manfaat kepada negeri dan rakyat. Setiap perkara mesti dinilai dengan bijaksana dan adil, bukan semata-mata bergantung kepada siapa yang mengemukakannya, tetapi merit dan intipati cadangan yang dikemukakan itu yang seharusnya diberikan perhatian. Akhirnya, Beta merakamkan penghargaan dan mengucapkan selamat maju jaya kepada Dato' Menteri Besar Selangor, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat, kalangan penjawat awam, para pendidik, pasukan keselamatan, para pekerja dan seluruh rakyat negeri ini. Beta ingin semua pihak bersatu hati dan bergabung tenaga dalam usaha mengekalkan keharmonian dan kemakmuran negeri Selangor khususnya dan negara Malaysia amnya. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memberi pertolongan dan perlindungan kepada barisan pemimpin Kerajaan negeri Beta supaya dapat terus merancang dan memimpin kemajuan, keamanan serta kesejahteraan rakyat dan negeri Selangor.

Selamat Bersidang. Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### **III. PENANGGUHAN**

**TUAN SPEAKER** : Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ini sehingga hari Selasa, 20 Mac 2012, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

#### **IV. BCAAAN DOA SELAMAT OLEH SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor diiringi Al-Fadhil Imam Paduka Tuan dan Imam Masjid Negeri Selangor untuk membacakan Doa Selamat setelah sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

**( Bacaan doa selamat oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor )**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex. Sekian, terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 pagi )**